

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan pecahan jenis perniagaan yang tidak dapat bertahan dan telah menutup perniagaan mereka dalam tempoh pandemik dan usaha Kementerian bagi membantu mereka untuk bangkit semula.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), jumlah penamatan perniagaan (milikan tunggal dan perkongsian) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) yang mencatatkan penutupan tinggi dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Ogos 2021 ialah yang melibatkan sektor perdagangan jualan borong, jualan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal. Statistik tahun 2019 juga menunjukkan trend yang sama iaitu sebanyak **13,527 perniagaan** dalam sektor ini telah menamatkan perniagaan.

2. Pada tahun 2020, jumlah penamatan perniagaan yang melibatkan sektor perdagangan jualan borong, jualan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal ialah sebanyak **10,487 perniagaan** manakala sebanyak **5,050 perniagaan** dalam sektor ini telah menamatkan perniagaan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Ogos 2021.

3. Seterusnya di bawah Akta Syarikat 2016, jumlah petisyen penggulungan yang melibatkan syarikat dalam sektor perdagangan jualan borong, jualan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal pada tahun 2020 ialah sebanyak **984 petisyen**. Dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Ogos 2021, jumlah petisyen penggulungan yang melibatkan syarikat dalam sektor yang sama ialah sebanyak **562 petisyen**. Jumlah petisyen yang direkodkan pada tahun 2019 melibatkan syarikat yang menjalankan perniagaan dalam sektor ini adalah lebih tinggi iaitu sebanyak **1,596 petisyen**.

4. Bagi Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, pada tahun 2019 terdapat sebanyak **162 petisyen** penggulungan yang melibatkan perkongsian liabiliti terhad dalam sektor perdagangan jualan borong, jualan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal direkodkan dan **163 petisyen** penggulungan direkodkan untuk sektor yang sama pada tahun berikutnya. Bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Ogos 2021, jumlah petisyen penggulungan yang didaftarkan adalah sebanyak **296** petisyen yang merangkumi **27.0% (80 petisyen)** oleh perkongsian liabiliti terhad dalam sektor perdagangan jualan borong, jualan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal.

Sekian, terima kasih.